

Bekalan darah di HQE digunakan untuk pesakit leukemia

KOTA KINABALU: Kebanyakan bekalan darah yang disimpan oleh Tabung Darah Hospital Queen Elizabeth digunakan untuk membantu pesakit leukemia, pesakit yang mengalami pendarahan, barah usus dan tulang, kata Pegawai Perubatan HQE Dr Jessie Hiu.

Menurutnya, di sebalik jumlah darah yang terkumpul di hospital sekarang antara 1,000 hingga 18,000 pain darah, kegunaan darah untuk 27 pesakit leukemia sahaja memerlukan 9,000 pain darah setiap tahun.

"Bekalan darah sentiasa diperlukan oleh hospital ini dan kami berharap kempen menderma darah ini diteruskan untuk memastikan ia mencukupi, termasuk untuk keperluan kecemasan," katanya.

Beliau berucap pada perasmian Kempen Kampus Penyayang bagi derma darah dan kutipan pakaian terpakai di Dewan Kuliah Perdana, Universiti Malaysia Sabah (UMS), kel-



DERMA DARAH...Mohd Noh Dalimin (tiga dari kanan) memperkatakan sesuatu kepada pelajar yang menderma darah di UMS kelmarin.

marin.

Kempen itu dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor UMS Datuk Mohd Noh Dalimin. Turut hadir ialah Pengarah Persatuan Bulan Sabit Malaysia Ca-

wangan Sabah, Steven Y S Lim.

Jessie yang mewakili Pengarah Hospital Queen Elizabeth, Dr Rahimah Md Said berkata, kesedaran menderma perlu diusahakan oleh semua pihak

kerana ia penting bukan sahaja memastikan bekalan tabung darah mencukupi, tetapi untuk kepentingan pesakit.

"Kita perlu menyedarkan masyarakat mengenai kepen-

tingan menderma darah serta bahaya jika bekalan berkurangan. Ia mestilah di peringkat sekolah rendah lagi bagi memastikan generasi muda terdedah dengan sikap prihatin menderma darah ini," katanya.

Dalam hubungan ini, beliau berpendapat perlu juga diadakan kempen menderma darah untuk satu paket satu nyawa.

"Jika kerajaan mengadakan kempen menderma satu ringgit, satu nyawa, kita adakan pula kempen ini (satu paket satu nyawa)," katanya.

Sementara itu, Steven berkata pihaknya mengutip 1,579 pain darah pada tahun lepas untuk diserahkan kepada tabung darah HQE.

Katanya, kutipan itu termasuk 453 pain darah pada program Derma Darah PBSMM yang diadakan serentak di seluruh negara tahun lalu.

"Jumlah 453 itu meletakkan Sabah muncul juara mengutip darah terbanyak pada kempen berkenaan," katanya.

Katanya, dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini (Jan-April) pihaknya mengutip sebanyak 135 pain darah dan berharap kempen yang diadakan di UMS ini akan menambah bilangan darah yang dikutip.

"Pada tahun lalu juga, pihak kami mengagihkan 300 karung pakaian terpakai selain bahan makanan, selimut dan wang tunai kepada 1,979 mangsa 19 kebakaran di negeri ini," katanya.

Steven berharap, program yang diadakan UMS itu akan dicontohi oleh semua institusi pengajian tinggi di negeri ini.

Program anjuran UMS itu dijangka mengutip kira-kira 1,000 pain darah yang mana ia bermula kelmarin dan berakhir pada 5 April depan.

Mohd Noh berharap program masyarakat penyayang UMS itu akan mendekati mereka dengan masyarakat, selain membentuk jati pelajar sebagai pemimpin yang prihatin terhadap masalah rakyat. **-Oleh Yatim Taubatal Andam**